

# Buat laporan polis, bantu MCMC sekat nombor telefon scammer

## Langkah tingkat kesedaran, perluas maklumat elak kes penipuan

Oleh Ahmad Suhael Adnan  
ahmad.suhael@bh.com.my

**Cyberjaya:** Laporan kepada pihak polis dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) akan bantu untuk membuat siasatan forensik serta menyekat nombor telefon scammer.

Ketua Bahagian Keselamatan Rangkaian MCMC, Harme Mohamed, berkata laporan itu perlu dibuat meskipun mereka tidak terpedaya dengan penipuan itu, kerana ia membantu MCMC untuk menyekat nombor telefon yang digunakan scammer.

Menerusi sekatan itu; katanya, Scammer tidak dapat menggunakan nombor telefon berkenaan untuk terus mencari mangsa, sekali gus mengurangkan kes penipuan seumpamanya, hasil laporan orang awam.

"Antara penipuan yang kerap berlaku ketika ini adalah scammer membuat panggilan dan men-

dakwa mereka kononnya daripada LHDN (Lembaga Hasil Dalam Negeri) atau bank dan menuntut sejumlah bayaran tertentu.

"Jika kita dapat panggilan sedemikian, berhenti bercakap, letak telefon dan buat laporan kepada portal aduan MCMC atau pihak berkuasa.

"Jika ada laporan, MCMC boleh terus menyekat nombor telefon yang dilaporkan. Kami tidak akan tahu nombor yang digunakan tanpa laporan awam, jadi tindakan ini amat penting," katanya ketika ditemui di ibu pejabat MCMC di sini, baru-baru ini.

Kes individu diperdaya penipuan scam semakin meningkat kebelakangan ini, dengan Suruhanjaya Sekuriti (SC) sebelum ini memaklumkan, sejumlah 67,552 kes direkodkan sejak 2017 hingga pertengahan tahun lalu, membabitkan kerugian bernilai RM2.23 bilion.

MCMC sendiri menerima 5,513 aduan membabitkan kes penipuan antara 2020 hingga bulan lalu, dan semua kes itu dirujuk kepada pihak berkaitan seperti

polis, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), SC dan Bank Negara Malaysia (BNM).

Bagi mengatasi kes penipuan itu, Harme memaklumkan MCMC mewujudkan 12 peraturan sebagai garis panduan bagi membolehkan syarikat telekomunikasi mengenal pasti kaedah menyekat nombor telefon yang digunakan sindiket penipuan.

"Menerusi tindakan ini, kira-kira 1.6 billion panggilan yang meragukan berjaya disekat antara 2018 hingga tahun ini," katanya.

Selain penipuan menerusi panggilan telefon, Harme memaklumkan beberapa taktik lain yang kerap

digunakan scammer di Malaysia termasuklah love scam, pintasan e-mel dan penggodaman menerusi aplikasi telefon pintar berformat APK (*Android Application Package*).

Sehubungan itu, beliau mengesakan orang ramai sentiasa membaca amaran dan peringatan mengenai taktik scam yang dipaparkan di portal perbankan, laman Sebenarnya.my dan mesej kese-



Harme Mohamed



edaran oleh MCMC, serta menyebarkannya kepada orang ramai.

Beliau juga mengingatkan orang ramai supaya jangan berkongsi maklumat peribadi dan aktiviti harian secara berlebihan di media sosial, kerana scammer akan menggunakannya untuk meyakinkan mangsa ketika penipuan berlaku.

Namun sekiranya nasi menjadi bubur dan anda telah menjadi mangsa scam, sila tampil dan laporkan kepada pihak polis supaya tindakan segera dapat dilaksanakan atau merujuk terus kepada CCID di talian 03-26101159 atau 03-26101599.

"Bagi scam APK, pengguna perlu berhati-hati dan hanya muat turun aplikasi daripada platform rasmi Google, Samsung, Huawei dan seumpamanya, bukan daripada laman sesawang," katanya.

## Jenis penipuan kerap dilaporkan di Malaysia

- Scam Panggilan - Scammer membuat panggilan mendakwa daripada bank, pihak berkuasa, agensi kerajaan atau pelaburan untuk memaksa mangsa membuat bayaran tertentu.

- Pintasan e-mel antara dua entiti perniagaan - Menyamar sebagai satu daripada entiti perniagaan dalam komunikasi e-mel dan meminta transaksi bayaran disalurkan kepada akaun bank mereka.

- Muat turun APK - Aplikasi bagi pengguna Android dimuat turun di laman sesawang berbanding di Google Play, Samsung Galaxy Store, App Gallery Huawei dan seumpamanya, memiliki perisian hasad yang membolehkan scammer membaca maklumat perbankan seperti nama pengguna, kata laluan dan kata laluan sekali (OTP).

